

SUDAH LAMA BERTOLERANSI TERHADAP PATI

Lawatan Presiden Indonesia Susilo Bambang Yudhiono ke Malaysia menjadi titik tolak penyelesaian masalah isu dua negara yang dianggap serumpun dan sesaudara itu. Sejarah telah membuktikan betapa rapat hubungan di antara kedua negara sejak zaman empayar kerajaan melayu Melaka di mana Parameswara yang berasal dari Palembang, Indonesia membina takhta di Melaka dan seterusnya membangunkan empayar yang agung di nusantara.

Kini dianggarkan hampir satu juta pekerja asing di Malaysia yang rakyatnya dianggarkan pada tahun 2004 mencecah angka lebih kurang 25, 855,200 penduduk. Statistik menunjukkan kadar jenayah yang tinggi dilakukan oleh pekerja asing dan rakyat Indonesia merupakan pekerja asing majoriti di Malaysia diikuti Bangladesh, Thailand, Myanmar dan lain-lain negara. Faktor ini memberikan gambaran negatif masyarakat Malaysia terhadap pekerja asing terutamanya dari Indonesia.

Proses penyelesaian isu kegagalan beberapa majikan di Malaysia untuk membayar gaji pekerja Indonesia ini hampir menampakkan hasil apabila pengumuman yang di buat oleh pemimpin kedua negara di media massa baru-baru ini. Kenyataan pemimpin kedua buah negara mendapat liputan besar-besaran media negara masing-masing. Sesungguhnya isu ini sememangnya menjadi sensitiviti masyarakat kedua-dua buah negara memandangkan ianya melibatkan imej, maruah dan kehormatan negara itu. Namun keputusan untuk meneruskan atau menghentikan proses tindakan mahkamah masih belum dibuat oleh pihak Indonesia.

Proses tindakan undang-undang di Mahkamah perlu dielakkan kerana ianya akan memberikan kesan negatif terhadap perhubungan kedua-dua negara. Mahkamah merupakan kaedah terakhir iaitu setelah kaedah penyelesaian masalah yang lain menemui jalan buntu. Jika tindakan undang-undang diteruskan juga di mahkamah, ini makan memberikan gambaran kegagalan rundingan dan kurangnya sikap toleransi di antara pemimpin kedua-dua negara. Misalnya isu pulau Batu Putih di antara Singapura dan Malaysia, pelbagai reaksi negatif timbul apabila kedua-dua negara ingin membawa perkara itu kepada Mahkamah Antarabangsa. Hal ini tidak patut berlaku di antara Malaysia dan Indonesia memandangkan hubungan kenegaraan di antara kedua-dua negara yang amat rapat sejak dahulu lagi.

Sekiranya proses tindakan undang-undang diteruskan dan mahkamah membuat keputusan yang menyebelahi pihak Malaysia semestinya ada rakyat Indonesia yang akan menganggap ketidakadilan undang-undang Malaysia terhadap pekerja asing. Begitu juga sebaliknya, sekiranya mahkamah memberikan keputusan yang menguntungkan pihak Indonesia pasti ada rakyat Malaysia yang tidak berpuashati dengan keadaan itu dan seterusnya akan memberi impak yang buruk kepada pandangan masyarakat terhadap institusi keadilan, kerajaan dan perhubungan kedua-dua negara. Proses di mahkamah juga tidak mengambil kira faktor kerahsiaan di mana semua dokumen, isu dan berita yang berkaitan menjadi tontonan orang awam atau masyarakat. Sekiranya ada isu sensitif yang mampu memberikan kesan negatif terhadap pandangan masyarakat ianya akan dilaporkan

di media massa dan seterusnya akan menjadi perbincangan masyarakat di mana pelbagai spekulasi buruk akan berlaku.

Langkah penyelesaian di meja rundingan merupakan kaedah terbaik bagi menjaga keharmonian hubungan kedua-dua buah negara. Kedapatan melalui konsep *musyawarah* adalah keputusan yang lebih menguntungkan kedua-dua pihak di mana ianya dibuat atas persetujuan bersama. Pemimpin kedua belah pihak perlu berlapang dada dan berbincang berdasarkan fakta-fakta yang sah dan tepat.

Toleransi perlu diberi keutamaan kerana faktor inilah yang menjadi perkara utama dalam penyelesaian isu ini. Malaysia sudah lama bertoleransi dalam banyak hal di antaranya tempoh pengampunan yang dilanjutkan beberapa kali dan ianya tidak pernah dilakukan oleh mana-mana negara di dunia ini. Malaysia juga sudah menjanjikan akan menyelesaikan isu ini dengan mengambil tindakan terhadap majikan yang gagal membayar gaji pekerja Indonesia. Sebagai konsiderasi Indonesia sepatutnya mengambil tindakan terhadap rakyat mereka yang memasuki Malaysia secara tidak sah dan undang-undang lebih ketat perlu dilaksanakan bagi membendung gejala penghijrahan tidak mengikut lulus undang-undang rakyat Indonesia ke Malaysia. Sekiranya kedua-dua belah pihak memberikan kerjasama secara saksama sudah pasti keharmonian perhubungan kedua-dua negara akan terjalin lebih mantap dan kukuh. Sistem Biometrik yang ingin diperkenalkan sewajarnya dilaksanakan. Sistem ini bukan sahaja untuk menyelesaikan isu PATI dan gerakan pihak pelampau tetapi patut menyeluruh dari segi aspek ekonomi, pendidikan, isu-isu antarabangsa, hak-hak asasi dan lain-lain.

Selain daripada itu, media massa kedua belah negara perlu bersikap adil dan rasional dalam membuat laporan. Penulisan berat sebelah dan berbaur hasutan perlu dihindarkan bagi memastikan keharmonian di antara kedua-dua negara. Teguran ikhlas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid terhadap sikap segelintir wartawan Indonesia mencerminkan betapa ada sekumpulan wartawan yang tidak mementingkan impak laporan mereka kepada masyarakat dan negara. Teguran ini juga secara tidak langsung ditujukan kepada wartawan Malaysia yang diharapkan akan lebih bersikap professional di samping berusaha untuk menjaga imej negara.

Sememangnya isu ini perlu diselesaikan secepat mungkin sebelum ianya menjadi kronik di mana akan menjejaskan perhubungan baik kedua-dua negara. Berdasarkan pemerhatian sikap terbuka dan berlapang dada pemimpin kedua-dua negara memberikan gambaran positif terhadap penyelesaian isu ini. Malaysia sudah lama mempunyai hubungan baik dengan Indonesia bahkan lebih rapat dari mana-mana negara di dunia ini. Rakyat kedua-dua negara bertutur dalam bahasa Melayu yang difahami oleh seluruh rakyatnya. Sesungguhnya hubungan yang murni ini perlu dipelihara dan segala penyelesaian permasalahan perlu diselesaikan melalui toleransi, *musyawarah* dan bukannya melalui mahkamah. Sistem mahkamah sedia ada adalah merupakan kaedah terakhir yang patut dihindarkan bagi menjamin kesejahteraan dan keharmonian kedua-dua negara. **ZULKIFLI HASAN.**